

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**HSM 213 - Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia**

**Masa : [3 Jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA PULUH TUJUH [27] HALAMAN.**

Jawab **TIGA** [3] soalan. Setiap jawapan membawa nilai markah yang sama.

1. Rujuk Dokumen A1, A2, dan A3 untuk menjawap soalan [a], [b] dan [c]. Dokumen A1, A2, A3 ialah petikan daripada tiga naskhah *Sulalat al-Salatin* yang berlainan.
  - [a] Huraikan secara ringkas sekurang-kurangnya empat perbedaan maklumat di antara ketiga-tiga dokumen A1, A2, dan A3.
  - [b] Dengan mengemukakan dalil-dalil nyatakan dokumen manakah pada pendapat anda merupakan naskhah yang paling asli.
  - [c] Bincangkan secara bandingan kelebihan dan kekurangan hikayat tradisional Melayu dan akhbar serta majalah Melayu sebagai sumber sejarah.
2. Dengan menggunakan Dokumen B1 hingga B6, bincangkan sejauhmanakah Undang-Undang Melaka boleh menggambarkan Melaka dari segi:
  - [a] Pentadbiran dan kuasa politik di Melaka
  - [b] Kegiatan Ekonomi
  - [c] Sistem Perundangan
  - [d] Pemikiran penggubal dan masyarakat setempat terhadap soal perkahwinan daripada status yang berbeza.
  - [e] Kedudukan kaum wanita dan orang berhutang.
3.
  - [a] Berdasarkan dokumen C1, C2 dan C3, bincangkan mengapa Sultan dan elit-elit agama mendapat perhatian Pentadbiran Tentera Jepun Tanah Melayu (PTM)?
  - [b] Senaraikan isu-isu penting yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga dokumen. Mengapakah isu-isu ini dibangkitkan pada April 1943?

..../2

4. [a] Dengan rujukan kepada Dokumen D1, nyatakan TIGA permintaan daripada wakil guru-guru sekolah Cina dan bincangkan pandangan pemimpin UMNO kepada SETIAP daripada tiga permintaan itu.  
[b] Nilaikan cara perundingan Tengku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO dan pemimpin Perikatan berdasarkan apa yang berlaku di dalam mesyuarat yang terakam dalam Dokumen D1.  
[c] Apakah peranan yang dimainkan oleh pemimpin MCA, khususnya Tan Cheng Lock dan Col. H.S. Lee, di dalam mesyuarat itu?  
[d] Apakah persetujuan yang tercapai di dalam mesyuarat itu? Daripada kandungan minit mesyuarat, dapatkah anda nyatakan sebab-sebab atau dorongan-dorongan yang telah membawa kepada persetujuan?  
[e] Dengan meneliti isikandungan Dokumen D2 bincangkan sejauh manakah perbincangan di dalam mesyuarat yang dirakamkan di dalam Dokumen D1 membawa kesan kepada pendirian Perikatan.
5. Apakah aspek-aspek terpenting dalam perkembangan penduduk di Semenanjung Melayu dari 1911 hingga 1947? Bincangkan dengan merujuk kepada jadual-jadual yang telah disediakan daripada Laporan Banci. [Dokumen E1 hingga E4].

### DOKUMEN A1

Wa bakdahu, adapun kemudian dari itu telah berkata fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya; dan pada suatu masa bahwa fakir duduk pada suatu majlis dengan orang besar-besar bersenda gurau. Pada antara itu ada seorang orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain, maka berkata ia kepada fakir, ‘Hamba dengar ada hikayat Melayu di bawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya.’

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota *faqir alladzi huwa murakkabun* ‘ala ‘l-jahli Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan, *qaddasa illahu Sirrahum*, Melayu bangsanya dari Bukit Siguntang Mahameru, Malakat negerinya, Batu Sawar *daru l-salam*. Demikian katanya: ‘Tatkala hijratu ‘L-nabiyyi salla llahu ‘alayhi wa sallama, seribu duapuluhan satu tahun, kepada tahun *Dal*, pada duabelas haribulan Rabbiul-Awwal, kepada hari Khamis, waktu ‘adduha, pada ketika Syamsu, pada zaman kerajaan marhum yang mangkat di Aceh, *Sultan ‘Ala’u ‘d-din Ri’ayah Shah zillu llahi fi l-‘alam*, anak *Sultani ‘l-ajalli ‘Abd il-Jalil Shah, akhi Sultan Muzaaffar Shah, ibni ‘l-Sultan ‘Ala’i ‘l-din Ri’ayah Shah, ibni ‘l-Sultan Mahmud Syah*, cucu Sultan Mansor Syah, piut Sultan Muzaaffar Syah, anak Sultan Muhammad Syah al-marhum, *khallada llahu mulkahu wa sultanahu, wa abbada ‘adlahu wa ihsanahu*. Sedang baginda bernegeri di Pasai, dewasa itulah datang Raja Dewa Said kepada hamba Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja Petani, menjunjungkan titah Yang Dipertuan di Hilir, *Sultan ‘Abdullah Ma’ayah Shah, ibni l-Sultani ‘l-ajalla ‘Abdi ‘l-Jalil Syah: fainnahu sharifu ‘l-makani wa ‘l-zaman*. Maka ia sesungguhnya kemuliaan tempat dan zaman. *Wa zinatumajalisa ahli ‘l-iman*; dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman; *Wa nuru madarija ‘l-ta’ati wa ‘l-ihsan*, dan ia menerangi segala pangkat taat dan kebijakan, *Zayyadhu llahu ‘l-fadla wa il-imnan*, dan ditambahi Allah taala kiranya ia kemurahan dan kelebihan; *wa abbada ‘adlahu fi sa’iri ‘l-buldan*, dan dikekalkan Allah kiranya ia dengan adilnya pada segala negeri.

Demikian bunyi titah yang maha mulia itu, ‘Bahwa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.’

Setelah *faqir alladzi huwa murakkabun 'ala 'l-jahli*, maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia; syahdan memohonkan taufik ke hadzirat Tuhan *sani'l-'l-'alam*, dan minta harap kepada nabi *sayidi 'l-anam*, dan minta ampun kepada sahabat yang *akram*. Maka fakir karanglah hikayat ini *Kama sami'tuhu min jaddi wa abi*, supaya akan menyukakan duli hadzirat baginda. Maka fakir namai hikayat itu *Sulalatu 'l-Salatin*, yakni peraturan segala raja-raja *Hadzih duraru 'l-lakhbar wa ghuraru 'l-amthal*, inilah mutia segala cetera dan cahaya segala peri umpamaaan. Maka barangsiapa membaca dia jangan dibicarakan dengan sempurna bicara; kerana hikayat ini tahu kamu akan perkataan sabda *Nabi salla 'llahu 'alayhi wa sallam*, *Tafakkru fi ala'i 'llah, wa la tafakku fi dzati 'llah*; yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah jangan kamu fikirkan pada dzat Allah.

\*\*\*\*\*

#### DOKUMEN A2

Wa ba'adahu adapun kemudian dari itu telah berkata fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya, dan singkat pengetahuan ilmunya; dan pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan orangbesar-besar bersenda gurau. Pada antara itu ada seorang orangbesar, terlebih mulianya dan terlebih besar mertabatnya daripada yang lain. Maka berkata ia kepada fakir, "Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya."

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota fakir *allazi murakkabun 'ala jahlihi*. Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya. Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orangkaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Narawangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan *qaddasallahu sirrahum*, Melayu bangsanya, dari Bukit Si Guntang Maha Miru, Malakat, negerinya Batu Sawar Daru'l-salam. Demikian katanya: "Tatkala *hijaratul-nabiyyi sallallahu 'alaihi wa sallama* seribu dua puluh satu tahun, kepada tahun Dal, pada dua belas haribulan Rabiulawal, kepada hari Khamis, waktu alduha, pada ketika syamsu, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alau'd-Din Riayat Syah *zillullahu fil-alam*, anak Sultan 'Ala Jalla Abdul Jalil Syah, *akhi* Sultan Muzaffar Syah ibni Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, ibni Sultan Mahmud Syah, cucu Sultan Alau'd-Din Syah, cicit Sultan Mansur Syah, piut Sultan Muzaffar Syah, anak Sultan Muhammad Syah al marhum; *Khalladallahu mulkahu wa sultanahu wa abbada 'adluwa wa ihsanahu*. Sedang baginda bernegeri di Pekan Tua, dewasa itulah datang (kepada) hamba, Seri Narawangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja,

Petani; menjunjungkan titah Yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma'ayah ibni Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah, *fainna syarafal-makan wal-zaman*. Maka ia sesungguhnya kemuliaan tempat dan zaman, *wa zainul-majalisi ahlul-iman*; dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman; *wanurul 'madarijal-ta'ati wal-ihsan*; dan ia menerangi segala pangkat taat dan kebajikan; *zayyada fadlahu wal-imtinan*, dan ditambahi Allah Taala kiranya ia kemurahan dan kelebihan; *wa abbada 'adlalu fi sa'iril-buldan*, dan dikekalkan Allah kiranya ia dengan adilnya pada segala negeri, demikian bunyinya: Titah Yang Maha Mulia itu, "Bahawa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara peri persetua dan peri petuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali; supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; syahadan beroleh faedahlah ia daripadanya."

Setelah fakir *allazi murakkabun 'ala jahlihi* (mendengar titah Yang Maha Mulia itu) maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia, syahadan mohonkan taufik kehadrat Allah, Tuhan *sani'il-'alam*, dan minta huruf kepada nabi *sayyidil-anam*, dan minta ampun kepada sahabat yang akram; maka fakir karanglah hikayat ini, *Kama sami'tuhu min jaddi wa abi*, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namai hikayat ini "Sulalatus Salatin," yakni petuturan segala raja-raja, *Hazih durratul-akhbar, wal-amsal*, inilah mutiara segala ceritera dan cahaya segala peri umpamanya. Maka barang siapa membaca dia, jangan dibicarakan dengan sempurna bicara; kerana hikayat ini tahu kamu akan perkataan sabda Nabi *sallalahu alaihi wa sallam*, "*Tafakkaru fi alaillahi wala tafakkaru fi zatillah:*" "*Tafakkaru fi alaillahi wala tafakkaru fi zatillah:*" yakni bicarakan oleh mu segala kebesaran Allah, dan jangan kamu fikirkan pada zat Allah.

\*\*\*\*\*

### DOKUMEN A3

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdu lilLahi Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu 'ala RasulilLahi sallalLahu 'alayhi wasallama waashabihu ajma'in. Masilah sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan RasulLahi sallalLahu alaihi wasallam syahadan rahmat Allah atasnya dan atas segala sahabatnya sekalian A'lam tatkala pada hijratu al-nabiyyu sallalLahu 'alayhi wasallam seribu dua puluh setahun pada tahun dal wal-awwal pada dua belas haribulan Rabi'ul-awwal pada hari Ahad pada waktu Duha pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah zillulLahi fil-'alam sedang bernegeri di Pasir Raja, dewasa itu bahawa Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Seri Agar Raja Petani, ia itu datang menjunjungkan titih Yang Pertuan Di Hilir fainna syarafalmakani wazzamani maka bahawa ia sanya kemuliaan tempat dan zaman; wazaina majalisi ahlil-iman dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman; wanura madarijatta 'ati wal-ihsani dan ia menerangkan segala tangga taat dan kebajikan; zida bilfadli wal-imtinani dan ditambahi Allah Ta'ala kiranya dengan kelebihan dan kemurahan; dima 'adlun fi sairil buldan dan dikekalkan kiranya ia dengan adil

..../Domuken A3  
..../6

pada segala negeri. Demikian bunyinya titah yang maha mulia itu: "Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada hari pertuturan segala raja-raja Melayu dengan isti'adatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinalah segala perkataan syahadan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya". Setelah fakir .... yakni fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan dirinya, allazi yarkabu 'ala jahlihi yakni yang kenderaan atas jahilnya, mendengar titah yang maha mulia itu, maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir. Maka fakir goncanglah diri fakir pada mengusahakannya syahadan memohonkan taufik fakir ke hadrat Tuhan sani'ul'alam dan kepada Nabi Sayyidil anam.

Maka fakir karanglah hikayat ini kama sami 'tuhu min jaddi waabi dan fakir himpunkan daripada segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda, maka fakir namainya hikayat ini **Sulalat us-Salatin**, yakni Petuturan Segala Raja-Raja. Maka barang siapa membaca dia, jangan lagi dibicarakannya dengan sempurna bicaranya, karena sabda Nabi Salallahu 'alayhi wasallam Tafakkaru fi alailLahi walatafakkaru fi zatilLahi yakni "Bicarakan oleh kamu pada segala kebesaran Allah dan jangan fikirkan pada Zat Allah".

### DOKUMEN B1

Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan bendahara, kedua menjadikan temenggung, ketiga menjadikan enghulu, keempat menjadikan syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala ra'yatnya. Adapun maka dibahagi hukum itu atas tiga bahagian. Pertama pada bendahara, kedua pada temenggung, ketiga pada syahbandar.

Adapun hukum yang diserahkan kepada bendahara itu, seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar.

Adapun hukum yang diserahkan kepada temenggong itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tafahus-manafahus dan seperti tangkap-menangkap orang yang jahat di dalam negeri itu.

Adapun hukum yang diserahkan kepada syahbandar itu iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jung dan baluk dan barang sebagainya.

\*\*\*\*\*

### DOKUMEN B2

Jikalau abdi menetak merdehika, maka iaitu masuk ulur. Adapun jikalau merdehika menetak abdi, kenalah denda setegah harganya. Jikalau ia miskin, kenalah ia sepuluh emas akan dendanya itu.

Adapun jikalau abdi menampar merdehika, hukumnya dipotong tangannya itu. Adapun jikalau merdehika menampar abdi tiada dengan salahnya, kena lima emas hukumnya. Jikalau ia kaya, kena sepuluh emas. Adapun hamba orang itu, jikalau dengan juduh mulutnya, seperti memaki, maka suatupun tiada salahnya lagi merdehika itu.

Adapun jikalau merdehika menampar abdi, maka ditikamnya oleh abdi itu, mati merdehika itu, suatupun tiada salahnya. Tetapi pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh pula hukumnya, maka adil namanya. Adapun jikalau merdehika ditampar abdi, maka ditikamnya mati, serta ada syaksinya, tiadalah perkataannya lagi.

Fasal yang kesembilan pada menyatakan yang dapat membunuh itu atas empat perkara, suatu bendaraha pada waktu tiada raja atau di dalam anak sungai sendiri harus membunuh dengan tiada titah raja. Kedua temenggung pada waktu menangkap orang, itupun tiada menanti titah lagi, dan ketiga ayahbandar tatkala di kuala, barangsiapa tiada menurut katanya pada waktu membawa perahu dan kapal itupun tiada lagi dengan titah melainkan mana perintahnya juga. Keempat nakhoda tatkala di laut, dapat ia membunuh tiada dengan titah, kerana ia raja pada masa itu. Adapun apabila sudah datang ke negeri, maka dihukumkan ia. Jikalau dibunuhnya itu tiada dengan dosanya, patut dibunuh pula nakhoda itu atau didenda sekali lima.

\*\*\*\*\*

### DOKUMEN B3

Fasal yang kedua puluh pada menyatakan hukum tanah perhumaan atau bendang atau sawah atau ladang. Adapun tanah itu atas dua bahagi, suatu tanah hidup, kedua tanah mati. Adapun tanah mati itu tiada siapa yang empunya hak, tiadalah alamatnya empunya dia, niscaya tiadalah ada lagi perkataannya pada tanah itu. Jikalau diperbuatnya huma atau ladang atau sawah atau bendang, tiada siapa dapat berkata-kata lagi akan dia. Itulah tanah mati namanya.

Adapun akan tanah hidup itu iaitu ada alamatnya daripada perigi atau pohon kayu-kayuan yang dimakan buahnya, atau ada alamatnya tempat perhumaan orang. Maka jikalau diperbuatnya kampung atau rumah atau huma atau barang sebagainya itu, di dalam perkataan orang, lagi dapat dida'wa orang, kerana tanah hidup namanya itu. Jikalau digagahi, didenda oleh hakim sepuluh emas akan orang itu.

Adapun jikalau diperbuat dusun, maka jadi dusun itu, maka oleh yang empunya tanah itu dida'wa diberinya harga tanah itu bahagi tiga, dan yang empunya tanah itu sebahagi, dua bahagi akan orang yang menanam dia itu. Adapun seperti sawah dan bendang, itupun demikian juga 'adatnya.

\*\*\*\*\*

#### DOKUMEN B4

Adapun jikalau ia menikam kerbau bendahara atau temenggung atau orang besar-besar atau penghulu bendahari atau syahbandar, masuk ulur juga; demikianlah hukumnya. Adapun jikalau ia menikam kerbau orang lain daripada itu, tiada masuk ulur melainkan mengganti kerbau orang itu atau lembu barang berapa patut harganya dan dendanya sepuluh emas. Jikalau kerbau itu menanduk, maka ditikamnya, diganti seharga ganya.

\*\*\*\*\*

#### DOKUMEN B5

Adapun jikalau ada merdehika laki-laki itu harus kahwin dengan abdi itu melainkan dengan empat syarat juga maka harus. Adapun syarat pertama (jika laki-laki itu merdehika, belum beristeri perempuan) merdehika, maka ia harus kahwin dengan abdi itu. (Kedua syarat) sebab karena tiada tertahan ingin hawa nafsunya, harus kahwin dengan abdi. <Ketiga syarat> sebab kerana tiada ia kuasa memberi isi kahwin perempuan merdehika itu, maka itupun harus kahwin dengan abdi itu. Adapun syarat yang keempat, sebab kerana abdi itu dilislamkan, maka harus kahwin dengan dia. Demikianlah hukum merdehika laki-laki kahwin dengan perempuan abdi. Adapun jikalau tiada dengan syarat yang tersebut itu, tiadalah ia boleh kahwin dengan perempuan abdi itu. Adapun jikalau tiada seperti syarat itu, maka ada ia kuasa memberi isi kahwin perempuan merdehika itu, maka ia hendak kahwin dengan perempuan abdi itu, tiada sah nikahnya itu atas kaul yang sah.

Adapun akan perempuan yang merdehika itu boleh ia duduk dengan laki-laki abdi, itupun jikalau ada dengan dua syarat diperolehnya. Pertama-tama ada dengan redanya perempuan merdehika itu akan laki-laki abdi itu. Dan kedua disukakan oleh segala keluarganya itu, maka boleh ia kahwin dengan abdi itu. Jikalau tiada dengan dua syarat ini, niscaya terurailah kahwinnya mereka itu, atas kaul yang sah. wa'llahu alama bi ssawab.

\*\*\*\*\*

#### DOKUMEN B6

Fasal yang keempat puluh empat pada menyatakan undang-undang negeri. Bermula segala orang yang berutang, maka ada anak isterinya, maka seorang lakinya juga masuk kerja dalam, tetapi utang itu sama <dengan anak isterinya menanggung>, anak isterinya kerja luar, maka mati dalam kerja yang empunya emas itu, tiada harus ditimpakan kepada anak isterinya utangnya itu melainkan dibahagi tiga, yang sebahagi itu anak isterinya membayar dia, yang dua bahagi itu hilang, itulah adatnya.

Bermula segala orang yang berutang itu, isterinya tiada harus dipernakal, hilang emasnya itu, kerana ia merdehika.

Adapun barang benda yang dihilangkannya itu disilihnya. Apabila tiada terbayar olehnya, dinaikkan kepada utangnya.

Apabila perempuan bujang yang berutang itu, jikalau dipernakal ia, maka hilang emas itu akan belanjanya. Jikalau tiada mau laki-laki itu menikah perempuan itu, hilang emas itu sebahagi, demikianlah adatnya.

\*\*\*\*\*

### DOKUMEN C1

Pada hari ini adalah bagi diri saya satu kemuliaan yang setinggi-tingginya, bahawa saya telah mendapat kesempatan untuk menjemput Sultan-Sultan dan Raja-Raja dari tiap-tiap daerah. Saya sekali-kali tidak menyangka, bahawa sa/at jemputan saya terhadap kesemua Sultan-Sultan dan Raja-Raja di rumah saya ini, datangnya begini lekas. Keadaan ini saya rasa seperti mimpi adanya!

Dari sa'at sekarang, sudah dua puluh satu tahun yang lalu, saya mula-mula datang ke Singapura serta menjalani Tanah Melayu. Pada waktu itu saya menerima budi-basa yang baik dari Yang Maha Mulia Sultan Johore. Semenjak itu saya merasa berkariib betul dengan Tanah Melayu. Saya pun mempelajari bahasa Melayu dan menyiasat hal keadaan Melayu.

Dengan perasaan yang berkariib tadi, maka saya adalah mempunyai dua harapan terhadap Tanah Melayu.

Pertama: Dengan kodrat Nippon, Nippon telah dapat mengikis habis-habis kekuasaan orang Putih dari Asia Timur ini serta melepaskan bangsa-bangsa Timur dari aniaya dan rampasan mereka itu.

Adapun Timur itu untuk bangsa Timur semata-mata!

Harapan saya yang kedua ialah hendak menjadikan Tanah Melayu ini Tanah yang aman dan Tanah yang bersorga. Bangsa Melayu dapatlah hidup senang dalam sentosa dan sejahtera hendaknya! Saya bersungguh-sungguh betul untuk menchapai chita-chita yang tersebut tadi.

Pengharapan saya yang pertama sudah berhasil oleh kodrat Nippon sebagai mana Sultan-Sultan dan Raja-Raja telah mema'lumi juga adanya. Akan tetapi pengharapan saya yang kedua ialah dari sekarang hendak diusahakan. kita mesti membangunkan Tanah Melayu yang baharu. Untuk menchapai maksud itu pertolongan Sultan-Sultan dan Raja-Raja sangat diharapkan benar! Oleh sebab itu maka semua Sultan-Sultan dan Raja-Raja hendaklah faham betul akan ni'mat Tenno-Heika (Omkokoro=Ni'mat yang sebesar-besarnya ni'mat, penuh dengan Rahmat dan Rahim).

Sifat bangsa Nippon bukannya sifat baghil, hidup bernafsi-nafsu sebagai bangsa Inggeris dan Belanda. Nippon sekali-kali ta' ada mempunyai fikiran untuk kebaikan negeri sendiri sahaja, sedangkan negeri-negeri lain dalam kesusahan. Fikiran yang semacham itu ta' ada sekali-kali dalam fahaman kami; bukannya Nippon hendak hidup kaya-raya dan dapat keuntungan sendiri, sedangkan orang lain dalam kelaparan dan kemelaratian! Faham yang seperti ini ta' ada sekali-kali dalam chita-chita hidup bangsa Nippon.

Omkokoro-Tenno-Heika, ialah maha tinggi dan maha besar, penuh dengan chinta dan kasih; ya'ni sebagai keperchayaan kepada Allah menurut Aama Islam, God dalam Igama Nasrani dan Buddha dalam Agma Buddha. Demi sekalian 'alam ya'ni adalah terlingkung di dalam Rahmat dan Rahim. Bersama-sama hidup dan bersama-sama mati dalam masharakat adalah minat saya yang penghabisan.

Bangsa Nippon menyembah Tenno-Heika sebagai Allah. Yang menjadikan kuat tentera Nippon, ialah disebabkan oleh Rahmat dan Rahimnya Tenno-Heika; bukan disebabkan kerana kekuatan badan dan kekuatan perkakas yang maha lengkap, seperti meriam, kapal terbang, dan kapal perang, akan tetapi disebabkan oleh kekuatan semangat adanya!

Kekuatan semangat inilah kekuatan yang lebih berkodrat. Dari manakah timbulnya Kodrat itu? Timbunya ta' lain dan ta' bukan dari Rahmat dan Rahim tadi. Rahmat dan Rahim itulah ni'mat Tuhan yang saya sebutkan tadi. Ni'mat Tuhan penuh dengan Rahmat dan Rahim. Gilang-gemilanglah cahayanya ke Rahiman itu adanya! Cuma memikirkan cinta akan diri sendiri, mendapat keuntungan diri sendiri sedangkan orang lain ta' diperdulikan, adalah mengacau keamanan dan kesentosaan manusia. Sekiranya harus pedang di hunus, itu bukannya disebabkan oleh perasaan benci, bukan disebabkan kerana suka akan peperangan, melainkan ialah buat Rahmat dan Rahim tadi. Maka oleh sebab itu menhanchurkan keadaan yang mengachau itu terpaksa dijalankan. Itulah semata-mata tanda-tanda yang terbit dari Rahmat dan Rahim itu. Apakah perlainannya dengan pelajaran Aama Islam!

Rahmat dan Rahim yang maha tinggi dan maha besar itu tiada membatasi kekuatan orang Nippon. Selama ada bangsa Nippon di bawah Tenno-Heika, selama itulah Nippon mempunyai jiwa yang kekal. Oleh kerana itulah maka bangsa Nippon ta' tahu akan ketakutan sebagaimana yang diucapkan tadi. Saya berharap sungguh-sungguh, kepada Sultan-Sultan dan Raja-Raja akan memfahamkan Rahmat dan Rahim itu dan di awah pimpinan Tenno-Heikalah kita sama-sama membangunkan Tanah Melayu yang aman dan sentosa, penuh dengan kesenangan dan kekayaan adanya! Untuk mencapai maksud yang tersebut tadilah, maka saya datang ke Syonan-to ini, bukan kedadangannya saya ini ke Singapura! Pekerjaan saya sebagaimana yang tersebut di atas tadi, ya' itu hendak menerangkan semangat Nippon dan kebangunan Nippon yang sebenar-benarnya. Saya redha mengorbankan jiwa saya! Harap difahamkan hendaknya! Saya bekekurangan tenaga dan berharaplah saya kepada Sultan-Sultan dan Raja-Raja akan memberi pertolongan kepada pengorbanan itu.

Satu fatsal lagi saya hendak kemukakan. Pada masa sekarang di Tanah Melayu ini orang merasa kesusahan; orang kekurangan barang seperti beras, gula, garam, minyak dan lain-lain, tetapi keadaan ini bukannya di Tanah Melayu sahaja. Buat mencapai kemenangan peperangan dan untuk persiapan perang, maka keadaan di Nippon lebih-lebih sengit lagi dari keadaan Tanah Melayu. Orang ta' cukup makan oleh keadaan beras. Keadaan gula terlalu sedikit sekali sehingga ta' dapat minum kopi. Kuwe-kuwe dan barang yang manis-manis ta' ada. Pakaianpun kurang sekali. Tetapi ini semuanya adalah untuk persiapan kami, walaupun peperangan ini bertahun-tahun lamanya. Kami mesti mempunyai hati yang tetap menghadapi penghidupan yang susah dalam peperangan yang berkepanjangan ini.

Pada masa kita mendapat kemenangan, maka pada sa'at itulah kita boleh mendapat penghidupan yang kaya-raya dan sentosa. Diharap supaya Sultan-Sultan dan Raja-Raja bersabar di dalam beberapa lama masanya. Hari ini saya menjemput Sultan-Sultan dan Raja-Raja, akan tetapi saya tiada dapat membuat dengan sepertinya oleh kerana dalam keadaan perang.

\*\*\*\*\*

### DOKUMEN C2

#### **UCHAPAN DARIPADA PEHAK PEJABAT PEMERENTAH MALAI-SUMATRA KEPADA WAKIL-WAKIL MUSLIM**

Sa-sunggohnya kita sekarang sudah masoklah pada tahun yang kedua didalam perjuangan meneruskan Peperangan Asia Timor Raya, yang sekarang seluroh dunia baharulah sedar dan mengetahui bagaimana kekuatan tenaga daya upaya Tentera Dai Nippon yang mempunyai kegagahan yang pertama dan tidak pernah kalah didalam mana2 juga medan peperangan yang telah ditempohnya. Bahkan umat Asia yang seramai saribu juta orang telah bersumpah setia dengan Nippon bagi berkerja pada membangunkan Asia Timor Baharu, oleh itu, pada ketika ini, saya mengambil peluang menyatakan keriaan saya kerana telah mengetahui dengan jelasnya yang wakil wakil Muslim di dalam kawasan perentahan kita ini datang kemuka dengan gembiranya menyertai bekerja sama menurut tujuan Pemerentahan Kerajaan Nippon sebagaimana wakil2 Muslim telah mengadakan persidangan yang dibuka pada hari ini.

Sabagaimana termaulum, bahawa tujuan Peperangan Asia Timor Raya ini ialah hendak menghapuskan kuasa Amerika, Inggeris, Hollanda dan rakan2-nya yang telah menghambakan bangsa2 Asia serta telah mengadakan persediaan2 hendak menaalkan seluroh Asia bagi menjadikan orang2 Asia kita ini abdinya buat selama2nya yang demikian Nippon telah menghunus pedangnya bagi membela kemerdekaan umat Asia dan ontok menetapkan keamanan yang kekal di Asia Timor ini serta menolong mengamankan dunia ia-itu mengikut bagaimana yang tersebut didalam Surat Titah Perentah Tennoheika yang menitahkan supaya peperangan ini dimulakan.

Sanya, Tentera Nippon sudahlah berjaya pada menewaskan kekuasaan Amerika, Inggeris dan Hollanda daripada Asia Timor ini, dan keadaan yang sabenar2nya sekarang negeri Hollanda telah habis binasa semuanya, negeri Inggeris sedang menghadapi kebinasaan oleh sebab kekurangan kapal2 dan makanan, serta segala matabenda kerana kapalnya telah hampir habis ditenggelamkan oleh kuasa Axis, bagitu juga Amerika, di dalam hal yang tersangat susah menkala angkatan laut dan udaranya telah banyak yang binasa. meskipun bagitu hal keadaan kesusahan dan ketewasan pehak musoh2 itu, tetapi pehak Tentera Nippon tidaklah mahu memberhentikan perjuangannya yang suchi ini, melainkan maksud ontok menghapuskan segala niat2 Amerika dan Inggeris daripada dunia ini telah sempurna.

Wakil2 Muslim wajiblah mengetahui dengan jelasnya, bagaimana inayanya perbuatan Inggeris dan Hollanda yang telah menyekat dan menahan orang2 disini daripada membuat barang2 matabenda yang perlu bagi isi negeri dengan memasukan dagangan dari luar negeri bertimbun2, maka perbuatan ini semata2 dengan niat jahat mereka kerana tama'kan kekayaan dengan berhambakan orang Asia. Pada masa sekarang, meskipun peperangan sedang berjalan dengan hebatnya, dan maseh banyak kesusahan serta kekurangan yang wajib ditanggung oleh isi negeri, akan tetapi pehak Kerajaan Dai Nippon sedang mengambil berat dan tetap pada menjadikan negeri ini boleh hidup dengan barang2 perbuatan didalam negeri sendiri dengan tidak sekali2 bergantong pada negeri luar, dan menjadikan isi negeri makinlah bertambah2 ma'amor dan selamat dengan dilunaskan daripada tujuan yang besar ia itu membina "Malai-Sumatra" yang baharu menjadi satu daerah yang lebeh ma'amor didalam lengkongan Asia Timor Raya yang dibangunkan bersama2.

Saya dengan hati yang tetap pada berkhidmat dan menjaga kebudayaan serta kesofanan tamadun yang dipusakai dari turun temurun oleh pehak wakil-wakil Muslim dan tidaklah sekali2 berhajat pada menchampori akan adat istaadat Ugama Islam, bahkan digalakanraayat semua, kerana mereka wajib berpegang kuat pada Ugama Islam dengan mendapat pelajaran yang sabenar2 daripadanya ontok membina Asia Timor Raya. Saya dengan peresaan hati yang sunggoh2 berdoa akan roh kaum Muslim yang telah mati kerana menolong Tentera Nippon didalam peperangan pada masa Tentera Nippon

memecahkan kubu2 Tentera Inggeris dan Hollanda. Kerajaan Nippon ada benniat pada menyegerakan ikhtiar supaya jalan pergi ka-Mecca itu dapat diadakan segera dengan selamat dan senang supaya umat2 Islam boleh menyempurnakan pekerjaan haji ditanah suchi itu sebagaimana firman Allah didalam Kur'an "Walillahi alannasi hijjulbaiti manitata'a ilaihi sabila" ertinya "wajib atas tiap2 orang Islam yang berakal lagi baligh pergi mengambil haji ka-Baitullah alharam jika kuasa ia pergi dengan chukup bekalaan". Maka niat yang baik dan mulia Dai Nippon pada umat2 Islam itu mestilah akan sampai menakala segala raayat bersatu semuanya didalam pekerjaan membena Asia Timor Raya ini, adalah pehak Nippon sentiasa menggalakan keperchayaan ugama yang suchi.

Sebab itu saya perchaya dan berharap yang wakil2 Muslim semuanya mengetahui akan niat yang suchi dan tulus dari pehak Nippon, dan berkerjalah lagi dengan bersunggoh2 menggalakan umat Islam mengajar kesofanan serta undang2 Islam dan wajiblah wakil2 Muslim yang ada hadzir ini menerangkan dan memahamkan pada umat2 Islam sekaliannya akan perasaan yang suchi dan baik pehak Dai Nippon terhadap pada mereka itu yang demikian marilah kita berkerja sama2 dengan sahabis2 tulus ikhlas dan gumbira didalam Ugama adanya.

PEJABAT PEMERENTAH MALAI-SUMATRA,  
YUTAKA NISIOEDA.

\*\*\*\*\*

### DOKUMEN C3

#### **UCHAPAN KETUA PERJUMPAAN AGUNG WAKIL2 ISLAM MALAI-SOEMATERA**

